

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERMOHONAN PENGOSONGAN  
SEKOLAH KEBANGSAAN ASSUMPTION  
DI ATAS LOT 27, SEKSYEN 4,  
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG  
OLEH SYARIKAT SRI AVENUE SDN. BHD.**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada laporan media berhubung pengosongan tapak Sekolah Kebangsaan Assumption, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Sekolah Kebangsaan Assumption merupakan sekolah bantuan kerajaan yang beroperasi di bangunan dan tapak sekolah yang dimiliki oleh Syarikat Sri Avenue Sdn. Bhd. sejak tahun 2008.

Pada 3 November 2021, Syarikat Sri Avenue Sdn. Bhd. telah memaklumkan bahawa syarikat telah menerima tawaran pembelian bangunan dan tapak sekolah daripada pihak ketiga. Sehubungan dengan itu, pihak syarikat memohon supaya KPM mengosongkan bangunan dan tapak sekolah tersebut dengan secepat mungkin.

Memandangkan bangunan dan tapak sekolah adalah milik Syarikat Sri Avenue Sdn. Bhd., KPM telah membuat ketetapan untuk menyuraikan murid dan guru ke sekolah lain yang berhampiran.

Ketetapan ini diambil berdasarkan justifikasi yang berikut:

(i) Trend enrolmen murid yang menurun dari setahun ke setahun. Pada masa ini, sekolah tersebut beroperasi dengan enrolmen murid seramai 53 orang;

(ii) Terdapat sekolah berdekatan yang dapat menampung murid dari SK Assumption dalam jarak antara 0.35 km hingga 5.8 km seperti berikut:

Bil.	Nama Sekolah	Jarak	Kapasiti Optimum	Enrolmen Semasa
1	SK Kuala Perai, Butterworth	0.35 km	617	187
2	SK Sungai Nyior	1.7 km	385	93
3	SK St Mark, Butterworth	2.1 km	420	179
4	SK Khir Johari, Perai	5.5 km	385	224
5	SK St Mark, Perai	5.8 km	275	184

(iii) Penyuraian ini dapat meningkatkan kecekapan penggunaan sumber melalui agihan semula 15 orang guru dan 2 orang Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) ke sekolah lain.

Mengambil kira sesi persekolahan yang sedang berlangsung, KPM telah memohon penangguhan pengosongan bangunan dan tapak sekolah sehingga tamat Sesi Persekolahan Penggal 3, 2021/2022 pada bulan Mac 2022. KPM akan membantu memudah cara urusan kemasukan murid ke sekolah baharu pilihan ibu bapa bagi Kalendar Akademik Sesi 2022/2023.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**24 JANUARI 2022**